

04 MAR 2001

MAHATHIR DI KEDAH UNTUK LAWATAN TIGA HARI

JITRA, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba hari ini untuk lawatan tiga hari ke Kedah.

Ketibaan Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim pada 3 petang disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Petang ini beliau akan merasmikan mesyuarat agung cawangan-cawangan Umno di Bahagian Kubang Pasu. Beliau merupakan ketua bahagian itu.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Bahagian Pendang dan Bahagian Yan di Sekolah Menengah Agama Yan sebelum merasmikan Kota Perdana Asean Industrial Metropolis di Bukit Kayu Hitam.

Perdana Menteri juga dijadual menyerahkan lembu korban di Kampung Alor Batu, Mukim Gelung, Kampung Cherok Latah, Mukim Wang Tepus dan dikediamannya di Titi Gajah, kesemuanya di sini,

Pada Selesa, Dr Mahathir akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Kompleks Islam Alor Malai di sini sebelum menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit. Beliau juga akan mengadakan rumah terbuka Aidiladha di Dewan Jitra.

-- BERNAMA

JM MNH MAI